

## PENELITIAN TERHADAP KISAH NABI YUNUS UNTUK BACAAN KANAK-KANAK DALAM KARYA AL-NADWI DAN BEBERAPA KARYA TEMPATAN

### ***AN ANALYSIS ON THE STORY OF PROPHET YUNUS FOR CHILDREN'S READING IN THE WORKS OF AL-NADWI AND SOME LOCAL WORKS***

***Mohd Shahrizal Nasir<sup>1</sup> & Kamarul Shukri Mat Teh<sup>2</sup>***

*Pusat Pengajian Bahasa Arab, Fakulti Bahasa dan Komunikasi*

*Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)<sup>1</sup>*

*Pusat Pengajian Pendidikan, Dakwah dan Peradaban Islam,*

*Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)<sup>2</sup>*

*mohdshahrizal@unisza.edu.my<sup>1</sup> & kamarul@unisza.edu.my<sup>2</sup>*

#### **ABSTRACT**

The story of Prophet Yunus a.s. (peace be upon him) is one of the stories recorded in the Quran. All lessons from the story of Prophet Yunus a.s. show the importance of the story being known by readers including children. The writer's efforts of the prophet's story who presented the story of Prophet Yunus a.s. to be in line with the level of children's thinking should be given attention. Therefore, research on the writing of the Prophet Yunus's story aims to see the suitability of the story content with the children's thinking level. Among the scholars who produced works on the story of Prophet Yunus a.s. is Abu al-Hasan 'Ali al-Nadwi (1914-1999). He has chosen the story of Prophet Yunus a.s. to be included in the fourth volume of his work entitled "Qasas al-Nabiyyin li al-Atfal" (Stories of the Prophets for Children) which was published in 1946. This effort was also carried out by some local publishers in Malaysia who published the story of Prophet Yunus a.s. for children's reading. Therefore, this article will analyze the content of the Prophet Yunus's story produced by al-Nadwi, as well as comparing its content with several local works. Text analysis methods will be used to examine al-Nadwi's works as well as other local works published by Ikon Syabab Resources, Primeworks Studios Sdn. Bhd., Ana Muslim Sdn. Bhd. and Azmar Prima Enterprise. The results of the research found that the events of Prophet Yunus a.s. being swallowed by a fish is the choice of the content of all works. However, it was found that al-Nadwi's work and the work published by Ikon Syabab Resources put more emphasis on the lessons behind the story compared to other works. The emphasizing on the prophet story's lessons should be highlighted in children's reading materials because it can instill a lot of good values in children as required by Islam.

**Keywords:** Islamic literature, Islamic Children's Literature, early childhood education, value in literary works, the story of the prophets.

#### **ABSTRAK**

Kisah Nabi Yunus a.s. ('alayhi al-salam) merupakan antara kisah yang termaktub dalam al-Quran. Pengajaran daripada kisah Nabi Yunus a.s. menunjukkan kepentingannya untuk diketahui oleh pembaca termasuk daripada kalangan kanak-kanak. Usaha penulis kisah para nabi yang mempersempit pengkisahan kisah Nabi Yunus a.s. agar sejajar dengan tahap pemikiran kanak-kanak wajar diberi perhatian. Oleh itu, penelitian terhadap penulisan kisah Nabi Yunus a.s. bertujuan untuk melihat kesesuaian kandungan kisah tersebut dengan tahap pemikiran kanak-

kanak. Antara sarjana yang menghasilkan karya berkenaan kisah Nabi Yunus a.s. ialah Abu al-Hasan ‘Ali al-Nadwi (1914-1999). Beliau telah memilih kisah Nabi Yunus a.s. untuk dimuatkan dalam jilid keempat karyanya berjudul “Qasas al-Nabiyin li al-Atfal” (Kisah Para Nabi Untuk Kanak-Kanak) yang diterbitkan pada tahun 1946. Usaha ini turut dilakukan oleh beberapa karyawan tempatan di Malaysia yang menerbit kisah Nabi Yunus a.s. untuk bacaan kanak-kanak. Oleh itu, artikel ini akan menganalisis kandungan kisah Nabi Yunus a.s. yang dihasilkan oleh al-Nadwi, serta membuat perbandingan kandungannya dengan beberapa karya tempatan yang memuatkan kisah yang sama. Kaedah analisis teks akan digunakan bagi meneliti karya al-Nadwi serta karya tempatan lain yang diterbitkan oleh Ikon Syabab Resources, Primeworks Studios Sdn. Bhd., Ana Muslim Sdn. Bhd. dan Azmar Prima Enterprise. Hasil penelitian mendapati bahawa peristiwa Nabi Yunus a.s. ditelan ikan menjadi pilihan mauduk kandungan semua karya. Walau bagaimapun, didapati karya al-Nadwi dan karya terbitan Ikon Syabab Resources lebih memberi penekanan terhadap aspek pengajaran kisah berbanding karya-karya lain. Penekanan terhadap pengajaran kisah sepatutnya diserahkan dalam karya kisah nabi untuk bacaan kanak-kanak kerana ia dapat menerapkan nilai-nilai murni dalam diri kanak-kanak sepertimana yang dikehendaki oleh Islam.

Kata Kunci: Sastera Islam, Sastera Kanak-Kanak Islami, pendidikan awal kanak-kanak, nilai dalam karya sastera, kisah para nabi.

## PENGENALAN

Umat Islam memiliki ilmu bersumberkan sejarah kehidupan para nabi yang termaktub dalam al-Quran dan hadis. Justeru, keperluan untuk memanfaatkan kisah para nabi sebagai antara sumber ilmu bagi golongan kanak-kanak tidak boleh dikesampingkan. Sepatutnya kanak-kanak Muslim perlu didedahkan dengan kisah sejarah kehidupan para nabi (*al-sirah al-nabawiyah*) sejak dari awal peringkat umur mereka mampu membaca. Malah galakan agar dibacakan kepada kanak-kanak buku berkaitan sejarah kehidupan para nabi perlu dilakukan agar mereka lebih mengenali sosok individu hebat pilihan Allah s.w.t. berbanding watak-watak mitos ciptaan manusia. Hakikatnya bahan bacaan mampu memberi pengaruh dalam pendidikan sahsiah kanak-kanak. Bahan bacaan yang baik dan bermutu boleh menatijahkan penerapan akhlak yang baik dalam sahsiah kanak-kanak. Oleh itu, sepertimana yang dinyatakan oleh Maisarah dan Latifah (2012), jati diri kanak-kanak boleh dibentuk melalui bahan bacaan yang mengandungi nilai-nilai murni.

Kisah kehidupan para nabi daripada al-Quran dan hadis merupakan sumber berautoriti dalam Islam. Jika difahami dengan cermat, kisah-kisah yang dirakam dalam al-Quran kesemuanya bersifat benar dan bukan kisah khayalan. Aspek pengajaran atau *‘ibrah* menjadi tunjang dalam penceritaan kisah dalam al-Quran. Oleh itu, semua kisah dalam al-Quran perlu diyakini memiliki perbezaan jika dibandingkan dengan “kisah” atau “cerita” dalam kesusasteraan termasuk yang difahami dalam Kesusasteraan Melayu (Mohd Shahrizal & Nurazan, 2014). Allah s.w.t. menjelaskan bahawa kisah para nabi yang dirakam dalam al-Quran adalah benar-benar berlaku. Ini berdasarkan firman Allah s.w.t. dalam al-Quran yang bermaksud: *“Sesungguhnya ini ialah kisah-kisah yang benar; dan tiadalah Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Allah; dan (ingatlah), sesungguhnya Allah, Dia-lah juga yang Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.”* (Surah Ali ‘Imran, 3: 62).

Selain itu, Allah s.w.t. turut menjelaskan bahawa kisah para nabi dalam al-Quran mempunyai banyak pengajaran berguna untuk kehidupan manusia sepertimana dimaktubkan

dalam al-Quran menerusi firman-Nya yang bermaksud: “*Demi sesungguhnya, kisah para nabi itu mengandungi pelajaran yang mendatangkan iktibar bagi orang yang mempunyai akal fikiran. (Kisah para nabi yang terkandung dalam al-Quran) bukanlah ia cerita-cerita yang diada-adakan, tetapi ia mengesahkan apa yang tersebut di dalam kitab-kitab agama yang terdahulu daripadanya, dan ia sebagai keterangan yang menjelaskan tiap-tiap sesuatu, serta menjadi hidayah petunjuk dan rahmat bagi kaum yang (mahu) beriman.*” (Surah Yusuf, 12: 111).

Usaha memberi penekanan terhadap kisah para nabi dalam Sastera Kanak-Kanak di Malaysia bukanlah satu perkara baharu. Menurut Ali, Siti Hajar dan Jelani (2007), kemunculan karya-karya seperti *Sirah al-Rasul*, *Qisas al-Anbiya'* dan sebagainya dalam dunia Kesusteraan Melayu berlaku disebabkan penerimaan masyarakat Melayu terhadap Islam. Hal ini memaparkan manifestasi perjuangan insan yang ingin meningkatkan diri menjadi makhluk Allah s.w.t. yang mulia dengan beribadat kepada-Nya termasuk menerusi cabang kesusteraan. Oleh itu, semangat murni ini perlu diserahkan kembali agar umat Islam tidak mengasingkan agama dan kesusteraan sebagai dua entiti yang berbeza. Usaha ini perlu dimulakan melibatkan golongan kanak-kanak menerusi wadah Sastera Kanak-Kanak Islami.

Sebenarnya terlalu banyak bahan bacaan di pasaran semasa yang memaparkan kisah kehidupan para nabi, khususnya melibatkan 25 orang rasul yang wajib diimani. Walau bagaimanapun bagi menghurai tajuk kisah para nabi dalam kajian ini, hanya kisah Nabi Yunus a.s. dijadikan fokus utama kerana kisah baginda sememangnya menjadi antara pilihan para penulis dan penerbit bahan bacaan untuk diketengahkan kepada golongan kanak-kanak. Sesungguhnya kisah nabi Yunus a.s. dirakamkan oleh Allah s.w.t. dalam al-Quran dengan peristiwa yang dialami sendiri oleh baginda tatkala ditelan oleh ikan dalam lautan. Allah s.w.t. berfirman dalam al-Quran yang maksudnya: “*Dan (sebutkanlah peristiwa) Zun-Nun, ketika ia pergi (meninggalkan kaumnya) dalam keadaan marah, yang menyebabkan ia menyangka bahawa Kami tidak akan mengenakannya kesusahan atau cubaan; (setelah berlaku kepadanya apa yang berlaku) maka ia pun menyeru dalam keadaan yang gelap-gelita dengan berkata: ‘Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau (ya Allah)! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aninya, tolonganlah daku)! Sesungguhnya aku adalah daripada kalangan orang yang menganiaya diri sendiri’.*” (Surah al-Anbiya’, 21: 87)

## **SOROTAN KEPUSTAKAAN**

Sastera merupakan satu bidang yang tidak boleh dipisahkan daripada pendidikan. Oleh itu, sastera perlu dimanfaatkan sebagai wadah untuk menyampaikan ilmu kepada manusia. Dalam konteks ini, golongan kanak-kanak adalah kumpulan manusia yang sewajarnya mendapat manfaat menerusi penghasilan bahan sastera yang bersesuaian dengan peringkat umur mereka. Menurut Salmah (1981), Sastera Kanak-Kanak berfungsi menambah manfaat dalam kehidupan, membentuk keutuhan peribadi dan memberi pengalaman kerohanian kepada kanak-kanak. Misran (2001) pula menyatakan bahawa Sastera Kanak-Kanak adalah agen pembangunan yang menjurus kepada perkembangan dan pembangunan diri manusia meliputi soal emosi, pemikiran dan bahasa. Selain itu, Hadijah (2006) menyatakan bahawa Sastera Kanak-Kanak berperanan sebagai penyalur nilai-nilai pembangunan, pencapaian serta pembinaan konsep wira dan kecemerlangan dalam diri kanak-kanak.

Menyedari tentang kepentingan bahan bacaan sastera untuk kanak-kanak, aspek kandungan bahan bacaan yang membawa nilai-nilai murni perlu diperhalusi. Mana Sikana (1998)

telah mengesyorkan agar unsur-unsur nilai murni dalam bahan bacaan sastera perlu dibincangkan agar dapat mendidik, mengajar dan memupuk dengan menjadikan watak utama novel kanak-kanak sebagai contoh baik yang mengamalkan nilai murni. Meskipun dapat dinyatakan bahawa rata-rata pengkaji berkaitan Sastera Kanak-Kanak menemui dapatan yang positif berkaitan aspek nilai dalam karya sastera yang dijadikan bahan bacaan kanak-kanak, namun tafsiran dan nilai tersebut hanya berlegar dalam kerangka umum yang sesuai dengan kehidupan manusia.

Dengan kata lain, nilai yang diterapkan dalam karya sastera sebagai bahan bacaan untuk kanak-kanak merupakan perkara yang secara umumnya diterima oleh masyarakat sebagai nilai baik dan bersesuaian dengan peringkat umur kanak-kanak. Walau bagaimanapun, usaha Abu al-Hasan ‘Ali al-Nadwi (seterusnya al-Nadwi) yang menghasilkan karya untuk kanak-kanak dengan fokus secara spesifik berkaitan kehidupan para nabi termasuk kisah Nabi Yunus a.s. mengundang kewajaran agar ia diberi perhatian dalam kajian ini. Al-Nadwi merupakan seorang tokoh sarjana Islam kontemporari yang berasal dari India. Selain gugusan karya al-Nadwi yang banyak, pengiktirafan yang diberikan kepadaanya meliputi jawatan yang dilantik untuknya juga membuktikan ketokohan diri al-Nadwi. Ia dilihat sebagai satu pengiktirafan terhadap kelayakan dan ketokohan al-Nadwi bagi mengepalai sesebuah institusi. Al-Nadwi bukan sahaja diberi tanggungjawab untuk menjadi rektor keempat bagi Nadwatul ‘Ulama iaitu bermula dari tahun 1961 sehingga beliau meninggal dunia (Ahmad Fahmi, 2000), malah beliau juga diberi tanggungjawab besar menerajui institusi keilmuan di peringkat global. Antara jawatan tertinggi yang disandang al-Nadwi berkaitan kesusasteraan ialah sebagai pengurus pertama Rabitah al-Adab al-Islami al-‘Alamiyah (Pertubuhan Sastera Islam Sedunia).

Al-Nadwi yang hidup antara tempoh tahun 1914 hingga 1999 telah banyak membicarkan isu berkaitan maslahah umat Islam mencakupi pelbagai bidang termasuk agama, politik, pendidikan, ekonomi, perundangan, sosial, kesusasteraan dan sebagainya. Dalam konteks kesusasteraan, al-Nadwi turut berperanan besar dalam usaha memastikan bidang ini sentiasa berada dalam ruang lingkup yang ditetapkan oleh Islam. Dalam keadaan al-Nadwi perlu mengulas pelbagai isu berkaitan umat Islam, bidang kesusasteraan tetap diberi perhatian dengan pelbagai usaha telah dilakukannya bagi memastikan Islam tidak dipisahkan daripada mauduk kesusasteraan (Mohd Shahrizal & Kamarul Shukri, 2021a).

Beberapa kajian telah dilakukan bertujuan mengupas pemikiran al-Nadwi berkaitan Sastera Kanak-Kanak termasuk melibatkan karya beliau sendiri. Penghasilan karya sastera yang dikhususkan untuk kanak-kanak dengan koleksi paparan sejumlah besar kisah para nabi membuktikan wujudnya sudut pandang tersendiri al-Nadwi tentang Sastera Kanak-Kanak Islami (Sajad Ahmad, 2019; Mohd Shahrizal, 2021a). Karya al-Nadwi berkaitan Sastera Kanak-Kanak dilihat memberi fokus kepada insan yang sememangnya telah diiktiraf sebagai golongan yang patut dicontohi keperibadiannya iaitu golongan para nabi dan rasul. Hal ini sudah pasti bertitik-tolak daripada nilai murni yang melatari kehidupan para nabi dan rasul dan inilah antara perkara yang perlu diberi perhatian dalam proses pendidikan golongan kanak-kanak.

‘Abd al-Basit (1421H) dan al-Ghawri (2009) menyatakan bahawa antara sumbangannya al-Nadwi dalam perkembangan Sastera Islam ialah melibatkan usahanya yang memberi penekanan terhadap Sastera Kanak-Kanak. Perkara ini menunjukkan bahawa konsep Sastera Islam turut mencakupi kesusasteraan untuk pelbagai peringkat masyarakat termasuk golongan kanak-kanak (Mohd Shahrizal & Kamarul Shukri, 2020a). Al-Ghawri (2009) menghuraikan penekanan yang diberikan oleh al-Nadwi terhadap Sastera Kanak-Kanak terserlah dengan penghasilan karya-karya

yang bersesuaian dengan mereka. Antara perkara yang diberi penekanan oleh al-Nadwi dalam menghasilkan karya sastera untuk kanak-kanak ialah aspek bahasa, dakwah, pendidikan Islam, dan warisan Islam (al-Ghawri, 2009). Kesemua aspek yang ditekankan oleh al-Nadwi dalam penghasilan karya sastera untuk kanak-kanak menunjukkan betapa kukuhnya pemahaman beliau tentang keperluan meletakkan Islam sebagai asas penting dalam kesusasteraan.

Kajian tentang analisis karya al-Nadwi berjudul *Qasas al-Nabiyyin li al-Atfal* (Kisah Para Nabi Untuk Kanak-Kanak) antara lain telah dilakukan oleh Sayyid Muhammad Rabey (2016). Beliau menyatakan penghasilan karya tersebut merupakan antara sumbangan besar al-Nadwi terhadap Sastera Kanak-Kanak. Analisis yang dilakukan oleh Sayyid Muhammad Rabey (2016) melibatkan tiga perkara iaitu bahasa dan gaya bahasa, kandungan, serta objektif setiap kisah dimuatkan dalam karya al-Nadwi tersebut. Antara dapatan yang dinyatakan dalam kajian ialah penekanan al-Nadwi terhadap kandungan al-Quran dalam karyanya. Berdasarkan sorotan beberapa kajian lepas berkaitan Sastera Kanak-Kanak oleh al-Nadwi, dapat dilihat memang terdapat usaha para pengkaji yang memberi fokus terhadap aspek nilai dalam karya sastera. Menurut Mohd Shahrizal dan Kamarul Shukri (2021b), penelitian terhadap kandungan *Qasas al-Nabiyyin li al-Atfal* (Kisah Para Nabi Untuk Kanak-Kanak) mendapati bahawa semua nilai dalam kisah para nabi seperti berani atas kebenaran, dedikasi menggalas tanggungjawab, bijaksana dalam setiap tindakan dan konsisten melaksanakan usaha penyebaran dakwah merupakan antara nilai murni yang sepatutnya dimiliki oleh setiap insan. Nilai yang dinyatakan merujuk kepada nilai-nilai murni yang bersesuaian dengan peringkat umur kanak-kanak.

Selain itu, rata-rata pengkaji lepas kurang memberi penekanan terhadap aspek nilai yang terkandung dalam karya al-Nadwi. Ini juga termasuk karya yang melibatkan kisah Nabi Yunus a.s. Beberapa perbezaan penekanan yang terdapat dalam karya kisah Nabi Yunus a.s. oleh al-Nadwi dan beberapa karya tempatan di Malaysia turut memberi ruang agar penelitian mengenainya dibuat bagi memperoleh penemuan yang bermanfaat dalam bidang Kesusasteraan Kanak-Kanak. Justeru, kajian ini akan memberi fokus terhadap beberapa perkara termasuk aspek nilai atau pengajaran yang terkandung dalam karya al-Nadwi berjudul *Qasas al-Nabiyyin li al-Atfal* (Kisah Para Nabi Untuk Kanak-Kanak) dengan menyentuh secara spesifik kisah Nabi Yunus a.s. serta perbandingannya dengan karya-karya tempatan lain yang mengetengahkan mauduk sama.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini bertujuan menganalisis kisah Nabi Yunus a.s. dalam karya al-Nadwi berjudul *Qasas al-Nabiyyin li al-Atfal* (Kisah Para Nabi Untuk Kanak-Kanak). Kajian turut akan membuat perbandingan antara karya al-Nadwi dengan beberapa karya tempatan iaitu dalam konteks kajian ini merujuk kepada karya kisah Nabi Yunus a.s. terbitan Ikon Syabab Resources, Primeworks Studios Sdn. Bhd., Ana Muslim Sdn. Bhd. dan Azmar Prima Enterprise. Analisis akan memberi fokus terhadap aspek pengajaran kisah Nabi Yunus a.s. yang diketengahkan dalam karya-karya tersebut untuk golongan kanak-kanak. Pendekatan kualitatif digunakan dalam kajian ini menerusi kaedah analisis teks. Pemilihan metodologi kajian ini berdasarkan kesesuaian kaedah analisis teks (*textual analysis*) yang memberi fokus kepada bahan kajian iaitu merujuk kepada sebahagian daripada teks karya al-Nadwi dan beberapa karya lain dengan mauduk yang sama.

Analisis turut dilakukan berkaitan pemaparan kisah Nabi Yunus a.s. yang dihasilkan oleh al-Nadwi, serta membuat perbandingan kandungannya dengan beberapa karya tempatan. Asas perbandingan dibuat berdasarkan sumber kisah Nabi Yunus a.s. yang dijelaskan dalam kitab tafsir

iaitu *al-Qur'an al-'Azim* oleh Abu al-Fida 'Imad al-Din Isma'il ibn 'Umar ibn Kathir al-Qurashi al-Damishqi atau lebih dikenali sebagai Ibn Kathir. Selain itu, analisis turut menjadikan kitab *Qasas al-Qur'ani: 'Ard Waqa'i' wa Tahlil Ahdath* karangan Salah 'Abd al-Fattah al-Khalidi sebagai asas utama analisis perbandingan kandungan dalam karya-karya yang dikaji. Kedua-dua kitab tersebut dipilih mewakili sumber klasik dan kontemporari dengan huraian khusus tentang kisah Nabi Yunus a.s. berdasarkan al-Quran dan al-Hadith, selain kedudukan pengarang kedua-dua kitab yang berautoriti dalam bidang tafsir al-Quran.

*Qasas al-Nabiyyin li al-Atfal* (Kisah Para Nabi Untuk Kanak-Kanak) adalah karya al-Nadwi ditulis dalam bahasa Arab yang asalnya terdiri daripada lima jilid. Al-Nadwi telah mengambil masa selama kira-kira dua tahun iaitu mulai tahun 1944 hingga tahun 1946 untuk menyiapkan tiga jilid pertama *Qasas al-Nabiyyin li al-Atfal* (Kisah Para Nabi Untuk Kanak-Kanak). Hanya selepas tiga puluh tahun daripada terbitnya jilid satu hingga tiga, al-Nadwi kemudiannya menyudahkan penulisan jilid keempat dan jilid kelima bagi *Qasas al-Nabiyyin li al-Atfal* (Kisah Para Nabi Untuk Kanak-Kanak). Kisah Nabi Yunus a.s. dimuatkan dalam jilid keempat daripada siri *Qasas al-Nabiyyin li al-Atfal* (Kisah Para Nabi Untuk Kanak-Kanak).

Bagi karya tempatan yang memaparkan kisah Nabi Yunus a.s. untuk bacaan kanak-kanak, kajian ini mengambil karya terbitan empat penerbit iaitu Ikon Syabab Resources, Primeworks Studios Sdn. Bhd., Ana Muslim Sdn. Bhd. dan Azmar Prima Enterprise. Pemilihan empat karya tentang Nabi Yunus a.s. ini dibuat berdasarkan kepelbagaiannya latar penerbit serta penghasilan karya yang dibuat secara tunggal iaitu hanya melibatkan kisah Nabi Yunus a.s. untuk bacaan kanak-kanak. Faktor harga buku yang dilihat berpatutan serta bersifat 'mampu milik' juga menjadi antara perkara yang menyebabkan keempat-empat buku dipilih dalam kajian ini. Secara tidak langsung, ia membuka ruang kepada orang ramai untuk memiliki buku-buku tersebut secara mudah, dan keadaan ini mengundang keperluan agar kandungan buku-buku tersebut dikaji secara ilmiah.

Selain itu, tiga karya diterbitkan pada tahun yang sama iaitu 2021, manakala karya terbitan Ana Muslim Sdn. Bhd. telah mula diterbitkan pada tahun 2016, namun cetakan pertama bagi edisi kedua dibuat pada tahun 2021. Dari sudut judul, Ikon Syabab Resources menamakan karyanya sebagai "Sirah Nabi Yunus: Istighfar Pembuka Jalan" (2021). Manakala Primeworks Studios Sdn. Bhd. meletakkan judul "Nabi Yunus a.s.: Ditelan Ikan Nun" (2021). Penerbit Ana Muslim Sdn. Bhd. pula memilih judul "Nabi Yunus Ditelan Ikan Paus" (2021) sebagai judul karya, sedangkan judul "Nabi Yunus dan Ikan yang Besar" (2021) dipilih sebagai judul bagi karya terbitan Azmar Prima Enterprise.

## DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Kisah Nabi Yunus a.s. sememangnya merupakan antara kisah yang termaktub dalam al-Quran. Manurut al-Khalidi (2011) nama Nabi Yunus a.s. disebut secara jelas (*sarih*) sebanyak empat kali dalam al-Quran antaranya pada ayat 163 daripada Surah an-Nisa'. Kisah Nabi Yunus a.s. telah dimuatkan dalam dua surah tanpa menyebut nama baginda, manakala kisah yang dengan jelas menyebut nama baginda terdapat dalam enam surah al-Quran (al-Khalidi, 2011). Malah terdapat sebuah surah daripada jenis *al-Makkiyyah* membawa nama Nabi Yunus a.s. Kesemua ini jelas membuktikan bahawa kisah Nabi Yunus a.s. merupakan wahyu daripada Allah s.w.t. Penjelasan Allah s.w.t. berkenaan kisah Nabi Yunus a.s. dalam al-Quran memberi petunjuk bahawa terdapat pengajaran bermanfaat yang dapat diambil oleh manusia daripada kisah tersebut.

Sesungguhnya kisah al-Quran (*al-Qissah al-Qur'aniyyah*) bersifat benar. Kesemua kisah al-Quran merupakan kisah yang benar-benar berlaku. Ia bukan kisah khayalan atau ciptaan. Allah s.w.t. menjelaskan perkara ini menerusi firman-Nya dalam al-Quran yang bermaksud: “*Sesungguhnya ini ialah kisah yang benar, dan tiadalah Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Allah dan (ingatlah), sesungguhnya Allah, Dialah jua yang Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.*” (Surah Ali ‘Imran, 3: 62). Selain itu, para ulama berpendapat bahawa kisah al-Quran tidak diwahyukan tanpa tujuan yang bermanfaat. Uslub *al-qissah* dirakam dalam al-Quran dengan tujuan yang jelas iaitu agar manusia mengambil pengajaran yang berguna untuk kehidupan. Dalam bahasa Arab, pengajaran disebut sebagai ‘*ibrah* dan ia menjadi tujuan utama perakaman *al-qissah* dalam al-Quran.

Analisis terhadap karya al-Nadwi dan karya-karya tempatan berkenaan kisah Nabi Yunus a.s. akan dibuat berdasarkan beberapa perkara iaitu (i) Penampilan karya kisah Nabi Yunus a.s., (ii) Pengkisahan Nabi Yunus a.s. dalam karya, dan (iii) Penekanan terhadap aspek pengajaran.

### Pertama: Penampilan Karya Kisah Nabi Yunus a.s.

*Qasas al-Nabiyyin li al-Atfal* (Kisah Para Nabi Untuk Kanak-Kanak) yang pertama kali diterbitkan pada era 1940-an sememangnya tidak memaparkan penampilan sepertimana buku bacaan kanak-kanak masa kini. Pesembahan kulit buku hanya dibezakan melalui pemilihan beberapa warna. Penggunaan tulisan bersaiz besar dilihat sebagai satu langkah membantu golongan kanak-kanak dalam proses pembacaan. Oleh kerana *Qasas al-Nabiyyin li al-Atfal* (Kisah Para Nabi Untuk Kanak-Kanak) ditulis dalam bahasa Arab, setiap perkataan ditarik agar kanak-kanak mudah untuk membaca dan memahami kandungan buku.

Menurut Zainiah (2009) buku kanak-kanak ialah buku yang ditulis bagi tujuan pembacaan kanak-kanak atau buku yang menjadi bacaan golongan tersebut, sama ada buku cerita berbentuk fiksyen ataupun bukan fiksyen. Ini membuktikan bahawa terdapat pengkategorian khas berkaitan bahan bacaan untuk kanak-kanak. Justeru, peletakan label “li al-atfal” yang merujuk makna “untuk kanak-kanak” dalam *Qasas al-Nabiyyin li al-Atfal* (Kisah Para Nabi Untuk Kanak-Kanak) karya al-Nadwi mengundang kewajaran penelitian lanjut dilakukan dalam kajian ini. Secara jelas dapat difahami bahawa al-Nadwi dengan sedar mengiktiraf kandungan karyanya ini memang bersesuaian dijadikan bahan bacaan untuk kanak-kanak (Mohd Shahrizal & Kamarul Shukri, 2020b). Tambahan pula, kisah-kisah yang diketengahkan oleh al-Nadwi dalam *Qasas al-Nabiyyin li al-Atfal* (Kisah Para Nabi Untuk Kanak-Kanak), kesemuanya bersumberkan al-Quran, hadis dan sejarah Islam. Justeru, usaha al-Nadwi menunjukkan kefahamannya bahawa terdapat nilai-nilai murni dalam kisah para nabi yang perlu diketengahkan kepada kanak-kanak. Meskipun karya ini dihasilkan dalam bahasa Arab, namun analisis terhadap nilai-nilai murni yang terkandung dalamnya bersifat universal dan tidak tertakluk semata-mata terhadap penggunaan bahasa Arab.

Sepertimana menjadi trend buku-buku moden, kebanyakan penerbit akan memanfaatkan kulit buku sebagai medium untuk menarik perhatian pembaca. Bahan bacaan kanak-kanak biasanya ditampilkan dengan unsur-unsur yang dapat menarik perhatian mereka. Menurut Sulaiman (1984), buku kanak-kanak perlu memaparkan gambar atau ilustrasi berdasarkan fungsinya yang sebenar. Justeru, penampilan kulit buku yang menampilkan gambar ikan dilihat menjadi pilihan semua karya yang dianalisis dalam kajian ini. Secara tidak langsung, pemilihan gambar ikan Nun atau ikan Paus menjadi petunjuk bahawa kisah Nabi Yunus a.s. yang ditelan ikan merupakan kisah yang paling sinonim dalam perjalanan dakwah baginda. Berdasarkan pemilihan tajuk karya, al-Nadwi dilihat tidak terus memberi fokus terhadap kisah Nabi Yunus a.s. ditelan ikan.

Peristiwa yang terjadi dalam perjalanan dakwah Nabi Yunus a.s. perlu dilihat sebagai satu bentuk ujian bagi membuktikan keimanan baginda terhadap ketentuan Allah s.w.t. Peristiwa benar yang berlaku dalam kehidupan Nabi Yunus a.s. perlu difahamkan kepada kanak-kanak bahawa Allah s.w.t. berkuasa menetapkan apa sahaja yang dianggap mustahil oleh akal manusia. Inilah antara perkara yang sepatutnya diserlahkan dalam bahan bacaan kanak-kanak yang mengisahkan peristiwa yang berlaku terhadap Nabi Yunus a.s. Inilah juga yang dinyatakan oleh Allah s.w.t. pada ayat yang menjelaskan peristiwa Nabi Yunus a.s. ditelan ikan dan akhirnya perkara yang ditekankan ialah betapa Allah s.w.t. Maha Berkuasa menyelamatkan baginda dan orang beriman lain. Allah s.w.t. berfirman dalam al-Quran yang maksudnya: “*Maka Kami kabulkan permohonan doanya, dan Kami selamatkan dia daripada kesusahan yang menyelubunginya; dan sebagaimana Kami menyelamatkannya Kami akan selamatkan orang yang beriman (ketika mereka merayu kepada Kami).*” (Surah al-Anbiya’, 21: 88)

Oleh itu, dapat diperhatikan bahawa al-Nadwi (1996) dalam *Qasas al-Nabiyin li al-Atfal* (Kisah Para Nabi Untuk Kanak-Kanak) memberi penekanan terhadap hikmah pengisahan Nabi Yunus a.s. dengan mengemukakan tajuk terakhir bagi kisah baginda dengan tajuk “*Was tajaba Allah du'a'ahu*” yang bermaksud “Allah Memperkenankan Doanya”. Ini membuktikan kefahaman al-Nadwi dalam mengetengahkan perkara penting di sebalik kisah Nabi Yunus a.s. Meskipun golongan kanak-kanak akan lebih tertarik dengan kewujudan ikan yang menelan Nabi Yunus a.s., namun ini tidak boleh sama sekali menenggelamkan mesej penting yang dibawa oleh kisah tersebut. Judul karya terbitan Ikon Syabab Resources iaitu “Sirah Nabi Yunus: Istighfar Pembuka Jalan” (2021) menunjukkan bahawa aspek hikmah di sebalik kisah Nabi Yunus a.s. telah diberi penekanan hatta pada judul karya yang dipilih untuk bacaan kanak-kanak. “Istighfar” iaitu permohonan keampunan kepada Allah s.w.t. ditonjolkan sebagai intisari penting yang terkandung dalam kisah Nabi Yunus a.s.

Perkara tersebut tidak diserlahkan dalam karya-karya tempatan lain yang dibincangkan dalam kajian ini. Ketiga-tiga karya terbitan Primeworks Studios Sdn. Bhd. (2021), Ana Muslim Sdn. Bhd. (2021) dan Azmar Prima Enterprise (2021) lebih menyerlahkan perkataan “ikan” pada tajuk atau judul karya berkaitan Nabi Yunus a.s. Ini secara tidak langsung akan mengingatkan kanak-kanak tentang ikan Nun atau ikan Paus dengan Nabi Yunus a.s. berbanding kelebihan “istighfar” iaitu merujuk kepada permohonan keampunan kepada Allah s.w.t. Lanjutan daripada “istighfar” yang dilafazkan oleh Nabi Yunus a.s. tersebutlah yang membuka pintu keampunan Allah s.w.t. dan ini dinyatakan dalam firman-Nya pada ayat ke-88 daripada Surah al-Anbiya’ (Ibn Kathir, 2004; al-Khalidi, 2011).

## **Kedua: Pengisahan Nabi Yunus a.s. dalam Karya**

Jika diperhatikan secara sepintas lalu tentang peristiwa yang dilalui oleh Nabi Yunus a.s. yang ditelan ikan, ia boleh memberi gambaran tidak baik terhadap personaliti baginda oleh golongan kanak-kanak. Tahap pemikiran kanak-kanak yang agak terbatas tidak memungkin mereka dapat berfikir secara positif tentang peristiwa Nabi Yunus a.s. sekiranya mereka tidak mendapat bantuan daripada golongan dewasa untuk memperjelaskannya. Oleh itu, isi kandungan kisah Nabi Yunus a.s. tidak boleh dipaparkan sekadar menyatakan peristiwa baginda ditelan ikan semata-mata. Pelbagai persoalan boleh timbul dalam minda kanak-kanak sekiranya kisah Nabi Yunus a.s. tidak dipersembahkan dengan fakta yang sahih berdasarkan sumber al-Quran dan juga hadis.

Persoalan-persoalan seperti “Bagaimana seorang nabi juga boleh dimakan ikan?” “Adakah nabi dimurkai oleh Allah s.w.t.?” “Adakah Allah s.w.t. tidak menyayangi nabi?”, mungkin boleh timbul mengikut aras kefahaman kanak-kanak sekiranya kisah Nabi Yunus a.s. tidak dipersembahkan dengan jalan penceritaan yang betul. Bukan sekadar kanak-kanak, malah persoalan-persoalan seumpama dinyatakan itu juga boleh timbul dalam fikiran golongan dewasa.

Ini berdasarkan larangan Rasulullah s.a.w. terhadap perbuatan orang yang merendahkan martabat dan kedudukan Nabi Yunus a.s. disebabkan peristiwa yang berlaku terhadap baginda. Al-Khalidi (2011) memperincikan larangan Rasulullah s.a.w. terhadap perbuatan memuliakan orang lain dengan merendah-rendahkan kedudukan Nabi Yunus a.s. Ibn Kathir (2004) dalam tafsirnya turut menukarkan hadis Rasulullah s.a.w. yang mafhumnya: “*Tidak boleh seseorang manusia berkata: Saya lebih mulia daripada Yunus bin Matta (Nabi Yunus a.s.)*” (Hadis riwayat al-Bukhari, no. hadis 3416)

Al-Nadwi (1996) tatkala memulakan pengkisahan Nabi Yunus a.s. telah menjelaskan perkaitan kisah tersebut dengan kisah yang berlaku terhadap Nabi Ayyub a.s. Kedua-dua kisah tersebut menyerlahkan kekuasaan Allah s.w.t. serta kasih sayang terhadap para hamba-Nya. Istilah “*al-qudrat al-ilahiyyah*” (kekuasaan Ilahi) menjadi tunjang terpenting dalam pengkisahan kedua-dua nabi tersebut. Ini antara perkara yang diserlahkan oleh al-Nadwi sedari awal penceritaannya tentang Nabi Yunus a.s. Pendek kata, kisah yang dinyatakan dalam al-Quran tersebut akhirnya membuktikan keagungan dan kekuasaan Allah s.w.t. dalam melindungi serta mengeluarkan hamba-Nya yang soleh daripada kesulitan. Malah Allah s.w.t. menyatakan kepada Nabi Muhammad s.a.w. tentang kisah Nabi Yunus a.s. yang memperlihatkan keagungan-Nya menerusi firman bermaksud: “*Maka bersabarlah (wahai Muhammad) menerima hukum Tuhanmu (memberi tempoh kepada mereka), dan janganlah engkau bersikap seperti orang yang telah ditelan oleh ikan. (Ingatlah kisahnya) ketika ia berdoa merayu dengan keadaan sesak sebak terkurung dalam perut ikan.*” (Surah al-Qalam, 68: 48). Maka mesej inilah yang perlu diserlahkan dalam kisah Nabi Yunus a.s. untuk bacaan kanak-kanak.

Aspek penceritaan keadaan Nabi Yunus a.s. ketika berada dalam perut ikan boleh menjadi antara perkara yang boleh ditekankan bagi memperlihatkan keagungan Allah s.w.t. Sebagai contoh, dalam karya terbitan Ikon Syabab Resources (2021) dinyatakan, “*Lihatlah betapa kasih dan sayangnya Allah pada Nabi Yunus di sebalik ujian yang diberikan kepada baginda. Allah masih menyelamatkan baginda daripada disakiti!*” (hlm. 28). Dalam karya terbitan Primeworks Studios Sdn. Bhd. (2021) pula dinyatakan, “*Allah s.w.t. memerintahkan ikan Nun menelan Nabi Yunus a.s. dengan lembut.*” (hlm. 14). Manakala dalam dua karya lagi, tidak dilihat secara jelas pengarang mengaitkan peristiwa tersebut dengan kekuasaan Allah s.w.t. Sedangkan perkara ini dijelaskan oleh Ibn Kathir (2004) dalam tafsirnya yang menerangkan ayat 142 daripada Surah al-Saffat berkenaan perintah Allah s.w.t. agar ikan tersebut tidak memudaratkan Nabi Yunus a.s.

### Ketiga: Penekanan Terhadap Aspek Pengajaran

Kisah dalam al-Quran termasuk melibatkan Nabi Yunus a.s. pastinya membawa pengajaran berguna kepada manusia. Al-Nadwi (1996) secara jelas memasukkan perkataan “hikmah” dalam tajuk kisah Nabi Yunus a.s. iaitu “*Qissah Yunus wa Hikmatuhu*” (Kisah Yunus dan Pengajarannya). Oleh itu, al-Nadwi telah memperlihatkan hikmah atau pengajaran yang terkandung dalam kisah Nabi Yunus a.s. dalam empat halaman yang cukup ringkas namun membawa mesej pengajaran yang padat dan jelas. Kekuasaan dan keagungan Allah s.w.t. dalam memelihara Nabi Yunus a.s. ketika berada dalam perut ikan, serta kasih sayang Allah s.w.t. yang memakbulkan doa hamba-Nya iaitu Nabi Yunus a.s. diketengahkan sebagai perkara penting yang mendasari penceritaan kisah Nabi Yunus a.s.

Ikon Syabab Resources (2021) dilihat satu-satunya karya yang berusaha menyerlahkan aspek pengajaran kisah dalam karyanya. Ini dibuktikan dengan penyediaan bahagian khas dalam karya yang diberi judul “*Siri Bimbing*” yang menyenaraikan tujuh perkara berserta nilai pengajaran yang dapat difahami daripada kisah Nabi Yunus a.s. Tujuh perkara yang dimuatkan dalam “*Siri Bimbing*” tersebut ialah, (i) Kenali Nabi Yunus a.s., (ii) Dakwah Nabi Yunus a.s. Ditolak, (iii) Nabi Yunus Keluar Meninggalkan Kampung Halaman, (iv) Nabi Yunus Ditelan Ikan Paus, (v)

Nabi Yunus Berdoa Memohon Ampun, (vi) Allah Menerima Taubat Nabi Yunus, dan (vii) Azab Kaum Nabi Yunus Diangkat. Setiap tujuh perkara yang dinyatakan tersebut diuraikan dengan penjelasan nilai yang sepatutnya diketahui oleh pembaca kanak-kanak. Sebagai contoh, dalam perkara “Nabi Yunus Berdoa Memohon Keampunan”, Ikon Syabab Resources (2021) menggariskan nilai kesungguhan dan keikhlasan Nabi Yunus a.s. memohon keampunan kepada Allah s.w.t. sehingga doa baginda dimaktubkan dalam al-Quran. Nilai yang ditunjukkan oleh Nabi Yunus a.s. perlu dicontohi oleh kanak-kanak iaitu dengan menzahirkan kesungguhan dan keikhlasan ketika berdoa kepada Allah s.w.t., bukan hanya sekadar berdoa dengan mengangkat kedua-dua belah tangan.

Sebenarnya pengajaran yang lebih perlu ditekankan dalam kisah Nabi Yunus a.s. adalah melibatkan diri baginda a.s. yang memohon keampunan dan petunjuk daripada Allah s.w.t. tatkala ditimpa ujian dalam kehidupan. Dalam hal ini, karya terbitan Azmar Prima Enterprise (2021) didapati memberi penekanan terhadap pengajaran dengan meletakkan pernyataan yang diberi penekanan khusus iaitu, *“Allah mencucurkan rahmat kepada orang-orang yang bertaubat ke atas kesilapan yang pernah dilakukan.”* (hlm. 16). Walau bagaimanapun, karya Primeworks Studios Sdn. Bhd. (2021) dan Ana Muslim Sdn. Bhd. (2021) dilihat lebih menyerlahkan keakuran ikan sebagai makhluk yang taat kepada Allah s.w.t. Sebagai contoh, dalam karya Primeworks Studios Sdn. Bhd. (2021) dinyatakan, *“Allah s.w.t. memerintahkan ikan Nun menelan Nabi Yunus a.s. dengan lembut. Ini supaya tulang-temulang baginda tidak patah.”* (hlm. 14). Begitu juga pada pernyataan, *“Allah s.w.t. telah memerintahkan ikan Nun supaya membawa Nabi Yunus a.s. pulang semula ke negeri Ninawa.”* (hlm. 17).

Begitu juga dalam karya Ana Muslim Sdn. Bhd. (2021), tajuk khas yang diletakkan dalam karya iaitu “Paus Sangat Lapar” menyerlahkan fokus karya terhadap ikan dalam kisah Nabi Yunus a.s. *“Ikan paus yang taat itu menahan lapar selama tiga hari. Ikan paus terus berenang biar pun banyak ikan-ikan kecil lalu di hadapannya”* (hlm. 7). Sebenarnya perincian tentang ikan dalam karya sepertimana pada pernyataan tersebut boleh mendatangkan persoalan tentang kesahihan sumber maklumat yang dirujuk oleh penulis. Jelaslah kedua-dua karya iaitu terbitan Primeworks Studios Sdn. Bhd. (2021) dan Ana Muslim Sdn. Bhd. (2021) berusaha mengetengahkan faktor ikan yang menelan Nabi Yunus a.s. untuk menarik perhatian pembaca golongan kanak-kanak sepertimana perkara tersebut dijadikan sebahagian daripada judul karya. Pada akhirnya, sepertimana dinyatakan oleh Rohayati (2020), karya sastera dihasilkan daripada realiti kehidupan masyarakat dengan tujuan memberi ilmu pengetahuan dan mendidik masyarakat. Kegagalan mengetengahkan perkara penting dalam karya sastera untuk tujuan memberi ilmu pengetahuan dan mendidik akan menghakis fungsi karya sastera sebagai medium penyampian ilmu bermanfaat untuk kanak-kanak.

## PENUTUP

Setiap kisah yang melatari kehidupan para nabi pastinya sarat dengan nilai murni yang sepatutnya diterapkan dalam diri kanak-kanak. Usaha al-Nadwi menghasilkan karya *Qasas al-Nabiyyin li al-Atfal* (Kisah Para Nabi Untuk Kanak-Kanak) memperlihatkan dimensi pemikirannya yang meletakkan keperluan agar nilai murni dalam keperibadian diri para nabi dan rasul perlu diterapkan dalam pembentukan sahsiah kanak-kanak. Penelitian terhadap kandungan *Qasas al-Nabiyyin li al-Atfal* (Kisah Para Nabi Untuk Kanak-Kanak) mendapati bahawa al-Nadwi menekankan aspek nilai dalam kisah Nabi Yunus a.s. berbanding jalan cerita yang melibatkan baginda ditelan ikan. Perkara ini turut ditekankan dalam karya terbitan Ikon Syabab Resources berbanding karya-karya lain. Sesungguhnya nilai-nilai baik dalam kisah Nabi Yunus a.s. dapat mencorak keluhuran sahsiah insan seawal usia kanak-kanak sepertimana yang dituntut oleh Islam.

Malah, pengiktirafan Allah s.w.t. dalam al-Quran tentang keluhuran peribadi Nabi Yunus a.s. sebagai golongan soleh mewajarkan keperibadian mereka dicontohi oleh golongan kanak-kanak. Allah s.w.t. berfirman dalam al-Quran yang maksudnya: “*Dan (daripada keturunannya juga ialah para nabi): Ismail, dan Ilyasa’ dan Yunus, dan Lut; dan mereka itu semuanya, Kami (Allah) lebihkan darjat mereka atas umat-umat (yang ada pada zamannya).*” (Surah al-An’am, 6: 86).

## RUJUKAN

- ‘Abd al-Basit Badr. (1421H). *Juhud Abi al-Hasan fi khidmah al-adab al-Islami*. Majallah al-Adab al-Islami, 7(26-27), 38-42.
- Abdullah Basmeih. (2010). *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman kepada pengertian al-Qur'an*. Cet. ke-12. Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- Ahmad Fahmi Zamzam. (2000). *Abul Hasan Ali al-Hasani an-Nadwi: sejarah hidup dan pemikirannya*. Kedah: Khazanah Banjariah.
- Ali Ahmad, Siti Hajar Che Man & Jelani Harun. (2007). *Tasawwur Islam dalam kesusasteraan Melayu tradisional*. Cet. ke-2. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- al-Ghawri, Sayyid ‘Abd al-Majid. (2009). *Al-‘Allamah Abu al-Hasan al-Nadwi: ra’id al-adab al-Islami*. Beirut: Dar Ibn Kathir li al-Tiba’ah wa al-Nashr wa al-Tawzi’.
- Hadijah Rahmat. (2006). *Peranan dan perkembangan sastera kanak-kanak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibn Kathir, ‘Imad al-Din Abi al-Fida’ Isma’il bin ‘Umar bin Kathir al-Qurashi, (2004). *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*. Jil. 4. Riyad: Dar al-Salam li al-Nashr wa al-Tawzi’.
- al-Khalidi, Salah ‘Abd al-Fattah. (2011). *Al-Qasas al-Qur'ani: ‘ard waqa'i' wa tahlil ahadath*. Damshiq: Dar a-Qalam.
- Maisarah Saidin & Latifah Abdul Majid. (2012). *Pembentukan jati diri kanak-kanak melalui bahan bacaan bahasa Malaysia*. Jurnal Hadhari, 4(1), 77-102.
- Mana Sikana. (1998). *Teori dan pendekatan kritikan sastera moden*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti.
- Misran Rokimin. (2001). *Sastera kanak-kanak dan remaja sebagai agen pembangunan*. Kertas kerja Seminar Sastera Kanak-Kanak dan Remaja. Dewan Bahasa dan Pustaka, 26-27 April.
- Mohd Shahrizal Nasir. (2021). *Keprihatinan al-Nadwi terhadap sastera kanak-kanak Islami*. Dewan Sastera, Julai, 28-33.
- Mohd Shahrizal Nasir & Nurazan Mohmad Rouyan. (2014). *Qissah Qur'aniyyah dalam surah al-Kahf menyerahkan pengajaran ('ibrah) dan fadilat surah*. Ulum Islamiyyah Journal, 14, 131-156.
- Mohd Shahrizal Nasir & Kamarul Shukri Mat Teh. (2020a). *Sumbangan al-Nadwi terhadap perkembangan sastera Islam*. BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences, 3(3), 111-130.
- Mohd Shahrizal Nasir & Kamarul Shukri Mat Teh. (2020b). *Tasawur Sastera Kanak-Kanak Islami menurut perspektif al-Nadwi*. Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporeri, 21(3), 37-59.
- Mohd Shahrizal Nasir & Kamarul Shukri Mat Teh. (2021a). *Pandangan al-Nadwi tentang kepentingan al-sirah al-nabawiyyah dalam pendidikan kanak-kanak*. Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs, 5, 227-242.
- Mohd Shahrizal Nasir & Kamarul Shukri Mat Teh. (2021b). *Elemen nilai dalam teks sastera kisah para nabi untuk bacaan kanak-kanak menurut perspektif al-Nadwi*. International Journal of Language Education and Applied Linguistics, 11(1), 14-26.
- al-Nadwi, Abu al-Hasan ‘Ali. (1996). *Qasas al-nabawiyyin li al-atfal*. Cet. ke-20. Beirut: Mu’assasah al-Risalah.

- Nor Azlin Japar & Norul Azila Arifin. (2021). *Nabi Yunus a.s.: ditelan ikan Nun*. Kuala Lumpur: Primeworks Studios Sdn. Bhd.
- Rohayati Junaidi. (2020). *Persekutaran kanak-kanak: satu penelitian terhadap novel kanak-kanak terpilih*. PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature, 11(1), 1-17.
- Saadah Taib. (2021). *Nabi Yunus ditelan ikan Paus*. Cet. ke-2. Kuala Lumpur: Ana Muslim Sdn. Bhd.
- Sajad Ahmad al-Nadwi. (2019). *Musahamat al-Shaykh Abi al-Hasan fi adab al-atfal*. Kertas kerja al-Mu'tamar al-Watani al-Thani li Bahithi al-Lughah al-'Arabiyyah hawla al-A'mal al-Nathriyyah al-'Arabiyyah bi al-Hind, 19 Jan.
- Salmah Ayob. (1981). *Sastera untuk kanak-kanak: fungsi dan implikasinya*. Pendidik dan Pendidikan, 3(1), 73-82.
- Sulaiman Masri. (1984). *Penulisan bahan bacaan kanak-kanak*. Dlm. Othman Puteh & Abdul Ahmad. Sekitar sastera kanak-kanak dan remaja. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Syed Muhammad Rabey Hasani Nadwi. (2014). *Syed Abul Hasan 'Ali Nadwi: an eminent scholar, thinker and reformer*. (Terj.) Mohammed Moidul Haque. New Delhi: D.K. Printworld (P) Ltd.
- T.p. (2021). *Nabi Yunus a.s. dan ikan yang besar*. Batu Caves: Azmar Prima Enterprise.
- Wan Nur Syakira Wan Musa. (2021). *Sirah nabi Yunus: istighfar pembuka jalan*. Kuala Terengganu: Ikon Syabab.
- Zainiah Mohamed Isa. (2009). *Pemilihan buku bacaan bahasa Melayu yang sesuai untuk kanak-kanak di Malaysia*. Jurnal Bitara, 2, 45-57.